

06/08/2003

Makna burung ababil, tentera bergajah dalam al-Quran

Pendita Psikologi

SAYA tertarik dengan tulisan Mat Keledok dan berpendapat ia ada kebenaran serta hikmah yang tersembunyi.

Saya diasuh untuk belajar mengaji al-Quran sejak dari kecil lagi dan selama bertahun-tahun saya menjadi burung tiang iaitu cuma tahu membaca dan melihat makna yang tertulis di dalam kitab suci itu terutama yang ada terjemahan walaupun kurang faham dengan apa yang dibaca.

Jadi, saya ingin bertanya kepada Pencinta al-Quran Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Gombak (surat yang dihantar oleh pembaca lain sebagai ulasan kepada tulisan Mat Keledok) beberapa soalan.

Antaranya adakah sama di antara bahasa Arab al-Quran yang tinggi ilmunya dengan bahasa Arab biasa dan apakah dengan hanya membaca kitab suci itu, boleh terjadi sesuatu tanpa kita menggunakan akal, fikiran, doa, usaha, ikhtiar, kefahaman makna al-Quran, bertawakal, kemahiran dan kepintaran sedangkan kita hanyalah manusia biasa?

Jika boleh, silakan baca sepotong ayat al-Quran dan cubalah berjalan di atas air sebagaimana ulama silam yang betul-betul faham maknanya.

Soalan lain ialah untuk apakah al-Quran diturunkan bagi umat manusia dan mengapakah jin sendiri mengakui al-Quran ini ajaib serta mengapakah 6,666 sistem urat saraf manusia sama jumlahnya dengan 6,666 ayat suci al-Quran?

Selain itu, mengapakah wujudnya pelbagai ilmu yang terkandung di dalam al-Quran seperti sains, biologi, kimia, fizik, kesihatan, geografi, sejarah, kejadian manusia, astronomi, geologi, psikologi, tauhid, tasawuf dan kejadian langit serta bumi.

Jika kita renung baik-baik makna ayat al-Quran daripada surah tentera bergajah, akan terbit di hati nurani bahawa Allah mengajar manusia mengenai pentingnya sistem pertahanan sesebuah negara, kerana ayat itu adalah ayat peperangan iaitu berkenaan tentera gajah yang hendak menyerang kota Makkah al-Mukarramah.

Persoalannya, adakah pada zaman sekarang jika hendak berhadapan dengan musuh Islam perlu kita menggunakan gajah dan baca ayat dalam surah itu saja?

Sebenarnya, pada zaman sekarang makna tentera bergajah ialah unit kereta kebal tentera darat di mana secara tidak langsung, kerajaan kita di bawah pimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengikut ajaran al-Quran menerusi pembelian unit kereta kebal bagi memperkasakan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) menerusi pemodenan teknologi sistem pertahanan negara.

Hikmah kedua yang boleh diambil daripada surah tentera bergajah ialah kisah burung ababil iaitu Allah mengajar manusia mengenai betapa perlunya mencipta dan membina sistem pertahanan udara yang canggih.

Adalah mustahil jika kita hendak berhadapan dengan musuh Islam hanya menggunakan burung helang atau tiang.

Ini bermakna burung ababil adalah seumpama jet pejuang, penyerang, pengebom jenis MIG-29 dibina Russia, jet pejuang Amerika jenis Tomcat dan jet pejuang yang tercanggih lain.

Secara tidak langsung kerajaan Barisan Nasional (BN) di bawah pimpinan Dr Mahathir betul-betul menghayati isi kandungan al-Quran dan tindakannya selaras dengan ajaran Islam.

Bukankah cintakan tanah air itu sebahagian daripada iman dan sistem pertahanan udara dan darat adalah sistem pertahanan negara. Tanpa memahami maknanya pembaca al-Quran itu akan menjadi seperti daun yang dimakan ulat. Maknanya hancur lebur atau dalam bahasa Melayu bakal menjadi ibarat

padang jarak padang terkukur.

Apabila kerajaan melaksanakan projek pembangunan dan pemindahan teknologi, kita kata itu adalah ilmu yang sekular dan tidak Islam, tetapi bila sudah menjadi seperti Afghanistan, Palestin dan Iraq, barulah kita tahu perlu atau tidak jet pejuang dan kereta kebal.

Bagaimana orang Islam hendak menentang dan memerangi musuh Islam dan Yahudi di atas angin sedangkan kita hanyalah manusia biasa.

Apakah dengan membaca ayat saja boleh terbang di atas angin. Walaupun ayat daripada surah tentera bergajah sudah lebih 1,400 tahun diwahyukan, kenapa masih ada kisah tentera bergajah dan burung ababil iaitu kereta kebal dan jet pejuang dimiliki negara Islam, tetapi adalah buatan Yahudi dan Kristian?

Mengapa boleh terjadi begitu wahai Pencinta Al-Quran UIA dari Gombak.

Hakikatnya, jika kita tidak faham maknanya bagaimana rakyat boleh memahami apa yang kerajaan buat benar-benar mengikut ajaran al-Quran dan cara membezakan di antara yang hak dan batil serta bagaimana Islam hendak maju.

Kalau kita mahu mengembalikan zaman keagungan Islam, kita kenalah faham makna al-Quran dan perlu berfikiran maju lebih daripada bangsa Yahudi dan bukan Islam.

PENDITA PSIKOLOGI,
Minda Serban Ilmu.